

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

TARIKH : 30 OKTOBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan program-program yang sedang dirancang dan pembangunan infrastruktur oleh pihak Kerajaan sempena Tahun Melawat Malaysia 2020 serta apakah langkah-langkah yang sedang dilaksanakan untuk memastikan Tahun Melawat Malaysia akan memberi impak ekonomi negara khususnya kepada rakyat berkaitan industri kecil dan sederhana.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Tourism Malaysia telah mengadakan perancangan awal sebagai persediaan Kempen *Visit Malaysia 2020* (VM2020) sejak tahun 2018 untuk mencapai sasaran ditetapkan iaitu 30 juta kedatangan pelancong dan RM100 bilion hasil pendapatan kepada negara.

Diantara pameran pelancongan bertaraf antarabangsa yang sedang dan akan disertai oleh Tourism Malaysia dari September sehingga Disember 2019 untuk mempromosikan VM2020 secara agresif adalah MODE Tour Travel Mart di Korea Selatan, China ASEAN EXPO (CAEXPO), Roadshow MTEX (MATTA Travel Exchange) di India, Tourism Expo di Jepun, Roadshow VM2020 di Asia Tengah, Seminar

dan Roadshow di negara-negara ASEAN dan World Travel Mart (WTM) di United Kingdom.

Seterusnya, di peringkat domestik, Kementerian turut bercadang untuk mengadakan Majlis Pelancaran Perdana VM2020 pada penghujung tahun 2019 dengan cadangan pelancaran serentak atau *Soft Launch* di semua negeri dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan negeri bagi meningkat publisiti terhadap Visit Malaysia bermula Januari 2020. Selain itu, Tourism Malaysia akan mengadakan Majlis Sambutan di pintu-pintu masuk utama negara bagi menyambut ketibaan pelancong pada hari pertama Visit Malaysia 2020.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam memastikan persediaan pelaksanaan kempen Visit Malaysia 2020, beberapa Jawatankuasa Kerja Kecil telah ditubuhkan dengan kerjasama beberapa Kementerian. Antaranya adalah Jawatankuasa Kerja Kecil Kemudahan Pelancongan Infrastruktur, Keceriaan dan Kebersihan yang dipengerusikan oleh KSU Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Antara tanggungjawab Jawatankuasa Kecil Kemudahan Pelancongan Infrastruktur, Keceriaan dan Kebersihan adalah:

- 1) Memastikan semua infrastruktur dan kemudahan pelancongan, tanda arah, tanda jalan, taman negara, taman rekreasi, tandas awam dan sebagainya berada dalam keadaan baik dan sempurna;
- 2) Merancang dan bekerjasama dengan jabatan-jabatan Kerajaan yang lain serta pihak swasta bagi meningkatkan mutu infrastruktur pelancongan keseluruhannya, kerja-kerja perhiasan dan pengindahan terutamanya bagi bandar-bandar utama di seluruh negara;
- 3) Memastikan aspek kebersihan dan keceriaan di bandar-bandar dan tempat tumpuan pelancong diberi perhatian utama sepanjang kempen VM2020 berlangsung; dan

Di samping itu juga, sebanyak 54 projek pembangunan yang melibatkan kawasan pelancongan telah siap atau bakal siap dari tahun 2016 sehingga 2019 menggunakan peruntukan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dengan kos berjumlah RM191,096,500.00. Selain itu, sebanyak 32 projek peningkatan kemudahan homestay dengan kos berjumlah RM1,439,515.00 telah siap atau bakal siap dari tahun 2016 sehingga 2019 menggunakan peruntukan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya juga telah mengemukakan 43 permohonan projek pembangunan baharu di bawah RP4 (Tahun 2020), RMKe-11 berjumlah RM370,248,061.00 untuk pertimbangan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA).

Kementerian ini komited dalam memastikan Tahun Melawat Malaysia 2020 memberikan impak ekonomi kepada industri kecil dan sederhana menerusi program *Community-Based Tourism* seperti program inap desa atau homestay yang membantu meningkatkan ekonomi dan sektor pelancongan luar bandar. Pengusaha-pengusaha homestay yang berdaftar dengan kementerian dibantu melalui inisiatif-inisiatif berikut:

- 1) meningkatkan pembangunan keupayaan pengusaha Homestay melalui kursus dan latihan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan menawarkan pakej-pakej homestay yang menarik bagi memastikan kesiapsiagaan para homestay sempena Tahun Melawat Malaysia 2020; dan
- 2) bantuan menaik taraf kemudahan guna sama (infrastruktur asas) di perkampungan Homestay untuk keselesaan dan kepuasan para pelancong yang menginap di Homestay.

Selain itu, Kementerian menerusi Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia membangunkan industri kraf tempatan yang merupakan pengusaha-pengusaha kecil melalui Pemerkasaan Komuniti

Kraf sebagai salah satu usaha mewujudkan peluang pekerjaan dan menjana pendapatan komuniti setempat.

Kempen Visit Malaysia 2020 adalah satu misi nasional yang sudah tentunya akan memanfaatkan semua pihak dan lapisan masyarakat termasuk di kawasan luar bandar. Penganjuran acara-acara pelancongan VM 2020 di setiap negeri akan memberi peluang kepada penduduk kawasan luar bandar menjual hasil produk mereka seperti produk makanan dan barangan kraf tangan termasuk cenderahati tempatan yang sememangnya digemari pelancong antarabangsa.

Pandangan ini mengambil kira bahawa kejayaan kempen VM 2020 dengan peningkatan ketibaan pelancong akan menggalakan kepenggunaan barangan tempatan di mana industri pelancongan ini sendiri merupakan satu *consuming industry* yang berupaya menjana pendapatan bagi pengusaha tempatan termasuklah industri-industri kecil luar bandar. Pemerkasaan industri pelancongan bukan hanya terhad kepada menggalakan industri-industri kecil dan sederhana, malah turut berhasrat untuk membantu penduduk desa menjana pendapatan tambahan melalui pembangunan dan promosi program inap desa dan acara-acara kebudayaan dan pelancongan desa.

Sekian, terima kasih.